

NO. SOALAN: 146

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 10679

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terkini individu yang ditahan di bawah peruntukan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 serta sejauh manakah pemantauan dibuat agar mereka tidak kembali melakukan jenayah ekstrem dan militan.

122

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 hingga kini, seramai 1,774 orang telah ditangkap merangkumi pelbagai kesalahan seperti penyeludupan manusia, pemalsuan dokumen, penglibatan dengan elemen kumpulan pengganas seperti Daesh dan lain-lain kumpulan pengganas serta pencerobohan Lahad Datu, Sabah.

Sejak Akta Pencegahan Keganasan 2015 dikuatkuasakan pada 1 September 2015 hingga kini, PDRM telah menangkap seramai 28 orang yang disyaki terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh.

Tahanan militan Daesh yang ditahan di bawah SOSMA akan menjalani program pemulihan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Penjara Malaysia sepanjang tempoh di penjara manakala tahanan di bawah POCA pula menjalani program pemulihan yang dijalankan melalui modul pemulihan bersepadu oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Sama seperti POCA, POTA juga mengaplikasikan modul pemulihan bersepadu yang dinamakan Modul Deradikalisasi Bersepadu Untuk Pengganas.

Manakala militan Daesh yang dikenakan perintah sekatan atau dibebaskan masih di bawah pemantauan PDRM selama tempoh yang dirasakan perlu bagi memastikan mereka tidak terlibat kembali dengan aktiviti pengganas. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak dapat memastikan sama ada mereka yang menjalani program pemulihan ini pulih sepenuhnya kerana melibatkan ideologi.

Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas turut mengadakan 3 program pemulihan di sekitar Kuala Lumpur pada tahun 2015 dan 2016 membabitkan penyertaan seramai 54 orang tahanan.